

Ibu Bapa & Anak

Kepentingan Buku Dwibahasa

Oleh HARYANI ISMAIL
haryani@sph.com.sg

BUKAN mudah memastikan kanak-kanak hari ini mampu bertutur dalam dua bahasa – bahasa Inggeris dan bahasa ibunda – secara lancar lagi berkesan.

Antara faktor yang memungkinkan perkara ini berlaku adalah si cilik tidak terdedah pada buku-buku dwibahasa yang baik lagi menarik, apalagi menyentuh tentang budaya Asia.

Inilah antara inti pati sidang, bengkel, program mahupun sesi belajar bersama pakar yang dimuatkannya dalam Pesta Kandungan Buku Kanak-Kanak Asia 2013.

Pesta yang berlangsung mulai 25 hingga 30 Mei ini di bangunan Perpustakaan Negara itu merupakan acara tahunan yang menyatukan penyedia kandungan bahan-bahan untuk kanak-kanak, ibu bapa, guru dan pustakawan.

Orang ramai yang berminat menyumbang pada peningkatan mutu bahan berbau Asia buat kanak-kanak serata dunia juga dipelawa menghadiri pelbagai sesi perkongsian yang dikendalikan.


Ketika ditemui di pejabatnya, Pengarah Eksekutif Majlis Pembangunan Buku Nasional Singapura (NBDCS), Encik R Ramachandran, selaku penganjur pesta berkata: “Antara keprihatinan kami adalah tentang pendidikan dwibahasa – bagaimana anak-anak di peringkat prasekolah boleh memperkaya pengetahuan mereka dalam dua bahasa.



“Masalahnya, tiada buku dwibahasa di pasaran yang boleh membantu mereka. Kesedaran tentang kepentingan penguasaan dalam dwibahasa juga kurang.”
“Sebilangan ibu bapa di Singapura bahkan merasakan jika anak-anak mereka dipertanggungjawabkan dengan amanah agar mahir dalam dua bahasa, ia menjadi satu beban dan bukan kelebihan.”

Perkara ini, jelasnya, tidak wujud dalam konteks masyarakat di Barat di mana anak-anaknya lebih cepat tangkap bahasa Perancis, Jerman dan Inggeris sekali gus, misalnya.
“Di sini, anak-anak serasi dengan bahasa Inggeris saja, lantas mengabaikan penguasaan bahasa ibunda mereka. Walhal, anak yang pintar adalah yang dapat mengua-

DAHAGAKAN BAHAN: Ibu bapa sering mencari bahan sesuai buat bacaan anak-anak yang selari dengan konteks kehidupan masyarakat Asia. Dalam foto hiasan ini, Cik Nursyahidah Mohamad Jamal membaca kepada anak kecilnya, Ammar Yusuf Muhammad Shamir.



PERTUKARAN IDEA: Pengarah Eksekutif Majlis Pembangunan Buku Nasional Singapura, Encik R Ramachandran, mengangap Pesta Kandungan Buku Kanak-Kanak Asia 2013 sebagai ruang berkongsi idea tentang kepentingan pendidikan dwibahasa dan terjemahan. – Foto TAUFIK A. KADER

si dua atau lebih bahasa dengan baik,” ujarnya lagi.

Selain memastikan matlamat utama pesta ini tidak berubah iaitu memikirkan cara-cara inovatif dalam menghasilkan kandungan yang sesuai buat kanak-kanak Asia, ia juga menjurus pada isu terjemahan tahun ini.

Menurutnya, sering kali timbul persoalan tentang payahnya mendapatkan buku-buku Melayu yang baik di Singapura. Sebabnya, buku-buku ini lebih banyak diterbitkan di Malaysia atau Indonesia.

Encik Ramachandran, justeru, juga menekankan tentang pentingnya terjemahan buku-buku dalam bahasa Inggeris ke bahasa lain mahupun dalam bahasa ibunda (Melayu, Cina, Tamil) ke bahasa Inggeris.

Secara tidak langsung, proses ini membolehkan kandungan yang baik (dalam bentuk jalan cerita) disebarkan untuk pengamatan pelbagai masyarakat berbeza mengikut penguasaan bahasa mereka.

“Di Belanda, misalnya, tiada masalah menerbitkan buku dalam bahasa Belanda, Inggeris dan Jerman serentak dalam satu hari.

“Bagaimanapun, perkara sebegini tidak boleh kita lihat dan tidak pernah terjadi di Singapura. Walhal bagi saya, sesuatu pegangan budaya dapat dikekalkan dan pengetahuan tersebar dengan terbitan serentak dalam berbilang bahasa ini,” jelasnya.

Filem-filem Thailand atau Indonesia pula ‘meletup’ di negara lain tetapi buku-buku mereka yang menarik dalam bahasa Thai atau Indonesia payah meraih sambutan masyarakat asing kerana tidak diterjemahkan.

“Yang menjadi hambatan adalah kita tidak mempunyai penerbit dengan minda usahawan, yang tahu mengeksport bahan, menterjemahnya atau memikirkan cara inovatif lain untuk menjana bahan dalam bahasa lain atau media lain.

“Mereka sewajarnya sedia maklum bahawa buku boleh dialihkan menjadi filem atau bahan sofwe, misalnya.”

Tumpuan pesta tahun ini juga adalah perkembangan dunia penerbitan buku-buku kanak-kanak Malaysia. Setiap tahun, 17,000 tajuk baru dikenalkan, dengan suku daripadanya merupakan buku khusus untuk kanak-kanak.

Lungsuri laman <http://afcc.com.sg/> 2013.

KALKULATOR GADAI JANJI (Mortgage Loan Calculator)

Ingin tahu berapa anda harus ketepikan sebagai bayaran bulanan hartanah anda?

www.stproperty.sg/property-tool

- ✔ Letakkan harga hartanah anda
- ✔ Isikan kadar faedah, tempoh pemegangan hartanah dan margin pinjaman bank
- ✔ Tekan ‘Calculate’ dan kami akan kirakan jumlah bayaran bulanan anda!



Financing Tools


MORTGAGE LOAN CALCULATOR

Property Price (S\$):	\$480,000
Interest Rate (%):	1.99
Loan Tenure (years):	30
Margin of Finance (%):	80
Calculate	
Montly Repayment (S\$):	1417.42

Di STProperty.sg, hartanah ideal anda tidak susah dicari.



Meraih Anugerah ‘Mobile Media’ Terbaik di Asian Digital Media Awards 2012



Sebuah produk SPH, kumpulan media Singapura yang dipercayai.



SUTRA Mei Apabila anak mengamuk

USAH TERUS MEMUJUK: Apabila si cilik naik ragam, usah memberikan isyarat apa yang dipinta bakal dikota. Dapatkan jawapannya dalam SUTRA edisi Mei (bawah). – Foto-foto SUTRA



HARUS dipujuk atau ambil sahaja sikap tidak peduli?

Ia merupakan dilema umum yang kerap dihadapi kaum ibu apabila anak mula mengamuk.

SUTRA edisi Mei 2013 memberikan panduan bagaimana membantu si cilik agar kembali tenang apabila dia mula meragam atau buat perangai.

“Apabila anda berada dalam situasi di mana seseorang itu akan lemas, anda tidak boleh mengajarnya berenang. Ia sama seperti ketika kanak-kanak sedang mengamuk.

“Anda tidak boleh melakukan apa-apa pada saat itu untuk memperbaiki keadaan. Malah, apa sahaja yang anda cuba lakukan boleh memperburuk keadaan.

“Apabila anak sudah tenang, barulah anda boleh berbual dengannya,” jelas penulis buku *The Kazdin Method for Parenting the Defiant Child*, Encik Alan Kazdin.

Perkara yang sama diketengahkan oleh pakar pediatrik, Dr Jay Hoecker.

“Ia tidak membantu jika anda memberi penerangan pada otak anak (ketika itu) kerana bahagian otak yang memahami penerangan tidak berfungsi,” ujar Dr Hoecker.

Sebaliknya, ibu bapa dinasihatkan agar memberikan si cilik ruang. Bagaimana cara melakukannya? Apakah fungsi makanan atau rehat buat dirinya? Perluah si cilik dipeluk kemudian? Dapatkan jawapannya dalam SUTRA edisi Mei.